



**JABATAN PEMBANGUNAN KOPERASI
MALAYSIA**

**JPK.IP.(UU):130 JLD 4(38)
Kepada: Semua Koperasi**

PEKELILING KETUA PENDAFTAR BILANGAN 12 TAHUN 2005

**GARIS PANDUAN BAGI LAPORAN SETENGAH TAHUN
KOPERASI KREDIT**

1. TUJUAN

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah Peraturan 43 Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 untuk membolehkan Ketua Pendaftar mendapatkan data bagi mengawal dan mengawasi perjalanan semua koperasi yang menjalankan aktiviti kredit.

2. LATAR BELAKANG

Peruntukan Seksyen 14(c) Akta Koperasi 1993 menyatakan bahawa tiap-tiap koperasi hendaklah menyerahkan kepada Ketua Pendaftar apa-apa maklumat lain yang dikehendaki berkenaan dengan penubuhan, keanggotaan, pengendalian dan kedudukan kewangan koperasi. Dengan adanya garis panduan ini, semua koperasi kredit adalah dikehendaki mengemukakan kepada Ketua Pendaftar, data mengikut format yang disediakan pada tiap-tiap setengah tahun. Data yang dikumpulkan itu akan membolehkan analisa terperinci dibuat ke atas koperasi kredit bagi menentukan status sesebuah koperasi itu.

3. MAKLUMAT MENGENAI OPERASI KOPERASI

Maklumat yang perlu dikemukakan mengikut format yang disediakan adalah seperti berikut:

- (a) pelaburan dalam subsidiari;
- (b) pelaburan dalam saham-saham;
- (c) pinjaman daripada institusi kewangan dan sumber-sumber lain;
- (d) pinjaman kepada anggota-anggota koperasi;
- (e) caruman dan keanggotaan dalam koperasi;
- (f) maklumat pekerja;

- (g) pinjaman kepada subsidiari-subsidiari atau kepada koperasi-koperasi lain;
- (h) pelaburan dalam hartanah;
- (i) pembangunan dalam hartanah; dan
- (j) imbang duga dan penyata kewangan.

4. BORANG LAPORAN SETENGAH TAHUN KOPERASI KREDIT

Bagi tujuan memantau dan mengawal perkembangan koperasi kredit, koperasi hendaklah mengemukakan borang "Laporan Setengah Tahun Koperasi Kredit" seperti format berkembar kepada Ketua Pendaftar. Koperasi juga hendaklah mengambil tindakan berikut:

- (a) menyemak dan memastikan semua maklumat yang diisi adalah lengkap dan mengikut Nota Penerangan Laporan Setengah Tahun Koperasi Kredit yang dikembarkan;
- (b) menurunkan tandatangan di ruang yang dikhaskan di muka surat akhir borang ini; dan
- (c) menyerahkan borang "Laporan Setengah Tahun Koperasi Kredit" yang telah dilengkapkan kepada Ketua Pendaftar dalam tempoh dua bulan selepas setiap setengah tahun.

5. AM

Semua koperasi kredit hendaklah mematuhi garis panduan ini dan kegagalan mematuhi adalah menjadi suatu kesalahan di bawah Akta Koperasi 1993 dan Peraturan-Peraturan Koperasi 1995 dan tindakan undang-undang boleh diambil ke atas mana-mana koperasi kredit yang didapati tidak mematuhi garis panduan ini.

6. TARIKH KUATKUASA

Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ianya dikeluarkan.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"
"CEMERLANG, GEMILANG, TERBILANG"

(DATO' HAJI ZAINUDDIN BIN HAJI ABDUL RAHMAN)
Ketua Pendaftar Koperasi Malaysia

s.k Timbalan Ketua Pengarah
(Kawal Selia)

Timbalan Ketua Pengarah
(Pembangunan Dan Pengurusan)

Semua Pengarah JPK Ibu Pejabat

Semua Pendaftar Koperasi Negeri